

# Terus beri kerjasama sehingga selesai

Ismail Sabri beri keterangan kira-kira lima jam pada Khamis, dijangka sambung lagi hari ini

Oleh MOHD HAFIZ ISMAIL  
SHAH ALAM



Ismail Sabri ketika hadir untuk memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM pada Khamis.

**B**ekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menegaskan beliau akan terus memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa berhubung siasatan kes rasuah dan pengubahan wang haram yang dikaitkan dengannya sehingga siasatan selesai.

"Hari ini saya telah hadir ke Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk memberikan keterangan," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Ahli Parlimen Bera itu meninggalkan Ibu Pejabat SPRM pada jam 3.13 petang selepas kira-kira lima jam memberi keterangan dan disoal siasat oleh pegawai penyiasat suruhanjaya berkenaan.

Menurut sumber, beliau dijangka hadir semula ke SPRM Putrajaya pada Jumaat bagi meneruskan rakaman percakapan.

"Ya, betul. Datuk Seri (Ismail Sabri) akan datang lagi ke SPRM esok (Jumaat) bagi proses rakaman percakapan seterusnya," kata sumber itu pada Khamis.

Terdahulu, Ismail Sabri tiba di Ibu Pejabat SPRM pada jam 9.46 pagi dengan menaiki kenderaan jenis Audi berwarna hitam, diiringi kenderaan peronda Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Beliau turut sempat melmparkan senyuman dan melambaikan tangan kepada pengamal media yang menunggu di pintu masuk SPRM sejak jam 8 pagi.

*Sinar Harian* sebelum ini melaporkan bahawa Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri

Azam Baki memaklumkan, sijil cuti sakit Ismail Sabri berakhir pada Rabu dan diminta hadir bagi memberi keterangan susulan siasatan yang sedang dijalankan terhadapnya.

Ismail Sabri kini disiasat di bawah Akta SPRM 2009 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA).

SPRM sebelum ini juga telah merekodkan keterangan daripada 36 saksi bagi memoantu siasatan kes rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan bekas Perdana Menteri itu.

Seramai 23 lagi saksi baharu telah dikenal pasti dan akan dipanggil dalam masa terdekat bagi memberi keterangan.

